

PENGAJARAN MATEMATIK DAN PENGGUNAAN BUKU TEKS DI SEKOLAH RENDAH LUAR BANDAR

oleh

Dr. Jamaliah bte Kamal

Bahagian Pendidikan Guru

ABSTRAK

Di bawah skim pinjaman buku teks (SPBT), murid-murid sekolah rendah di luar Bandar akan mendapat agihan buku teks percuma untuk semua mata pelajaran. Ini adalah ekoran dari laporan keciciran pada tahun 1973, yang menyatakan bahawa buku teks adalah sumber rujukan utama (dan satu-satunya sahaja yang ada!) untuk pengajaran-pembelajaran berlaku di bilik darjah. Laporan itu menyatakan bahawa murid-murid di luar bandar perlu dibantu supaya mereka boleh meneruskan pengajiannya di peringkat yang lebih tinggi. Maka pada tahun 1975, SPBT diwujudkan di Bahagian Buku Teks, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Kajian ini cuba melihat dan menyelidik sama ada buku teks dan Buku Panduan Guru (BPG) di gunakan secara berkesan dalam P & P matematik di sekolah rendah di luar Bandar, di mana penekanan yang dibuat ialah ke atas pembelajaran konsep. Dengan tidak menyatakan isu pada awal kajian seperti dalam kajian kuantitatif, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang bersifat 'exploratory'. Kajian kes digunakan dengan focus ke atas sebuah sekolah rendah di luar bandar untuk memahami keadaan sebenar yang berlaku di bilik darjah. Data diperolehi melalui pemerhatian, temubual, dan analisis dokumen.

Kajian ini mendapati 2 kumpulan guru dalam kaitan penggunaan buku teks di dalam bilik darjah. Kumpulan pertama adalah guru-guru yang menggunakan buku teks sepenuhnya tanpa menggunakan buku panduan guru dan kumpulan kedua tidak langsung menggunakan buku teks atau BPG tetapi berleluasa menggunakan buku kerja yang dijual secara komersial. Situasi sebenar bilik darjah ini seolah-olah mencerminkan hasrat Kementerian Pendidikan untuk membantu menukar pengajaran guru dari latih-tubi-hafalan kepada kefahaman konsep tidak berjaya. Kajian kes ini mendapatkan senario sebenar yang berlaku di bilik darjah dengan isu yang signifikan yang perlu ditangani oleh kita semua di dalam Kementerian Pendidikan.